



e-BULETIN

Edisi Ogos 2022



kpfrasmi

| arrahnkpf



www.kpf.my



Pengerusi Kumpulan KPF semasa menerima Anugerah Koperasi Terbaik 2022 .

KPF MERAHAI ANUGERAH KOPERASI TERBAIK 2022

KPF meraih Anugerah Koperasi Terbaik 2022.

Pengerusi Kumpulan KPF, YM Raja Faridah Raja Ahmad berkata, **kejayaan ini amat membanggakan seluruh warga kerja dan khususnya para anggota yang sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan kepada kepimpinan Lembaga.**

Pengiktirafan sebesar ini amat memberi makna dan membuktikan KPF berada di landasan yang tepat.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semasa Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi pada 23 Julai 2022.



KPF ISYTIHAR DIVIDEN 7 PERATUS BAGI TAHUN KEWANGAN 2021



Anggota Lembaga bersama pengurusan Kumpulan KPF dalam sesi fotografi sempena persidangan MAPT Ke-41.

KPF mengisytiharkan agihan dividen berjumlah RM152.41 juta pada kadar 7 peratus bagi tahun kewangan 2021.

Pengerusi Kumpulan KPF, YH. Dato' Amir Hamdan Yusof dalam ucaptamanya berkata, KPF berjaya mencatatkan peningkatan perolehan berjumlah RM191.72 juta atau 78.17 peratus dengan jumlah perolehan sebanyak RM436.97 juta pada tahun 2021 berbanding RM245.25 juta pada tahun sebelumnya.



YH. Dato' Amir Hamdan Yusof ketika mempengerusikan MAPT Ke-41.

Melalui peningkatan tersebut, keuntungan bersih meningkat sebanyak RM86.67 juta atau 127.69% iaitu sebanyak RM154.55 juta pada tahun 2021 berbanding RM67.88 juta pada tahun 2020.

Dengan pencapaian ini, keuntungan boleh agih mampu dibayar tanpa menggunakan keuntungan terkumpul seperti lima tahun yang lepas.

KPF juga telah menerima tempat pertama dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2021 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pengumuman itu dibuat semasa berlangsungnya Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Ke-41 pada 30 Jun 2022 di Dewan Merak Kayangan, Kuala Lumpur secara maya sepenuhnya dan dihadiri seramai 1,297 perwakilan.



Sekalung Tahniah

kepada

Pengerusi dan Anggota Lembaga

yang dilantik

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-41

pada 31 Jun 2022.



Daripada:

Seluruh warga

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad

KPF DIKTIRAF KOPERASI TERBAIK WILAYAH PERSEKUTUAN



YH. Dato' Amir Hamdan Yusof dan Puan Sakinah Salleh bersama trofi dan sijil pengiktirafan.

KPF menerima pengiktirafan sebagai koperasi terbaik Wilayah Persekutuan bagi tahun 2022.

Pengerusi Kumpulan KPF, YH. Dato' Amir Hamdan Yusof berkata, **anugerah yang diterima adalah manifestasi daripada usaha seluruh warga kerja dan kepercayaan yang dizahirkan oleh anggota-anggotanya.**

Pencapaian ini mampu menjadi pemangkin untuk kecemerlangan di masa hadapan. KPF perlu sentiasa berdaya maju dan kekal relevan dalam gerakan koperasi negara.

Majlis Sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Wilayah Persekutuan anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia turut menganugerahkan gelaran koperasi terbaik dalam sektor pemborongan dan peruncitan kepada KPF.



Bendahari KPF, Encik Hasrin Ismail bersama peserta program.

KPF SERTAI KORBAN PERDANA 2022

KPF menyertai program Korban Perdana anjuran Kumpulan FELDA dan FGV sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha.

Program ibadah ini merupakan inisiatif KPF untuk meraikan keberkatan dan menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas prestasi pelaburan dan perniagaan yang memberangsangkan sepanjang tahun lepas walaupun negara berhadapan dengan penularan wabak COVID-19.

Sebanyak 11 ekor lembu disembelih dan diagihkan kepada golongan yang layak.



Bendahari KPF, Encik Hasrin Ismail menyampaikan agihan daging kepada wakil.



Lembu sedang dilapah secara bergotong-royong.